

Jabatan Antropologi dan sosiologi

No. Kelas: 85. H

No Perolchan: T 0944

Tarikh: 18 MAR 1986

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN
KERIAN/SUNGEI MANIK, SUATU PENILAIAN BAGI
KAWASAN SUNGEI KERWIN, SUNGEI MANIK TELUK INTAN

OLEH:

HAFIZAH BT. KHAIRUDDIN
(044218)

Latihan ilmiah untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat-syarat Ijazah Sarjana Muda
Sastera.

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESSI 85/86

BISMILLAH RRAHMAN IRRAHIM

Untuk mu ibu

Walaupun kini aku mula melayari sendiri

Namun ibu, mudiknya aku ke hulu

Adalah dari bekal doa mu

Ayah!

Penat jerih dan peluh dingin mu

Kan bersemadi dalam diri

Kakak dan adik-adik ku

Usah persia kan waktu

Kerana setiap yang berlaku tetap berlaku

Teman-teman seperjuangan

Suka duka kita silih berganti

Dan kini ku persembahkan


Sekalung doa bahagia untuk kalian

Sesungguhnya ibu, ayah, kakak, adik-adik dan teman-teman ku adalah antara insan yang banyak menabur jasa untuk ku.

SEMENANJUNG MALAYSIA

KAWASAN UTAMA JELAPANG PADI





SCALE ONE MILE TO AN INCH

PELAN PUNCA
RANCANGAN PENGAIRAN
SG. MANIK DAN LABU KUBONG

DESIGNED BY	INITIAL	DATE	STATE D. & I. ENGINEER PERAK	DIRECTOR, DRAINAGE & IRRIGATION
DRAWN BY				
TRACED BY	<i>Ref</i>	4.1.41	S.D.I.E. PK. PLAN No. 9/245	
CHECKED BY				

PENGHARGAAN

Ucapan jutaan terima kasih saya kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Latihan Ilmiah ini. Terutamanya kepada penyelia saya Profesor Madya Dr. Rokiah Talib, yang tidak jemu-jemu memberi bimbingan dan tunjuk ajar di sepanjang latihan ini dikemaskinikan.

Tidak lupa juga setinggi-tinggi terima kasih saya kepada semua penduduk Kampung Sungei Kerwin, Sungei Manik Teluk Intan, yang kepentingannya dan juga metode yang telah digunakan serta masalah-masalah yang dihadapi sewaktu kajian dijalankan. Khasnya kepada keluarga angkat saya Encik Mohd Noor Bin Zakaria yang juga merupakan ketua kampung disitu. Budi baik mereka hanya Allah yang dapat membalasnya.

Seterusnya saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada Penghulu Mukim Sungei Manik dan kesemua pegawai agensi yang terlibat iaitu Jabatan Parit dan Taliair, Lembaga Pertubuhan Peladang, Jabatan Pertanian, Lembaga Padi Negara dan MARDI serta penolong kanan pegawai daerah.

Bab IV ialah menganalisa latarbelakang responden yang mencakupi umur, pendidikan, tanggungan, pendapatan dan aspek sosio-

Hafizah bt. Khairuddin
January 1986.

SINOPSIS

Kajian ini telah dijalankan di Mukim Sungei Manik, Teluk Intan, Perak. Tujuan kajian untuk menilai projek pembangunan pertanian Krian/Sungei Manik dalam usahanya mencapai asprasinya untuk meningkat daya pengeluaran dan pendapatan, seterusnya taraf hidup masyarakat pesawah di sini.

Dalam Bab I dibincangkan tujuan dan bidang kajian, kepentingannya dan juga metode yang telah digunakan serta masalah-masalah yang dihadapi sewaktu kajian dilakukan.

Bab II pula menghuraikan serba sedikit latarbelakang kampung yang mencakupi soal pentadbiran, demografi tanah-tanah dan geografinya.

Bab III menghuraikan peranan dan fungsi yang dimainkan oleh pihak projek di mana projek ini telah melibatkan beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Pertanian, Persatuan Peladang, MARDI, LPN dalam usaha untuk meningkatkan hasil pengeluaran dan pendapatan petani.

Bab IV ialah menganalisa latarbelakang responden yang mencakupi umur, pendidikan, tanggungan, pendapatan dan aspek sosio-ekonomi yang lain.

Bab 4: Latarbelakang Suni KANDUNGAN Responden

	4.1 Struktur Keluarga	12
	4.2 Tanggapan/Anggapan ILI Rumah Responden	<u>Mukasurat</u>
	4.3 Umr Responden Dan Isu	11
Penghargaan	Umr Anak-anak Responden	i
	4.4 Taraf Pendidikan Responden	13
Sinopsis	4.5 Kuantiti Biji Kacang/Pemilihan Tanah	ii
	4.6 Kuantiti Petani	14
Kandungan	4.7 Kuantiti Biji Tanah Keseluruhan Responden	iv
Senarai Jadual	Pendapatan Pendapatan Petani	vi
	Pendapatan Dan Pekerjaan	15
	4.8 Pendapatan Keseluruhan Responden	16
Bab 1: Pendahuluan	4.9 Pendapatan Biji Kacang Responden	17
	1.1 Tujuan Kajian	1
	1.2 Bidang Kajian	2
	1.3 Kepentingan Kajian	3
	1.4 Metodologi	5
	1.5 Masalah Kajian	7
Bab 2: Latarbelakang Kampung		
	2.1 Sejarah Kampung	10
	2.2 Geografi Kampung	11
	2.3 Jenis Tanah Tanih	13
	2.4 Infrastruktur	14
	2.5 Aktiviti Ekonomi Penduduk	16
	2.6 Struktur Kepimpinan Kampung	17
	2.7 Struktur Dan Organisasi Ekonomi	18
	Sebelum Projek Pembangunan Pertanian	19
	Krian/Sungei Manik	20
	2.8 Masalah Penyakit Petani	21
Bab 3: Projek Pembangunan Pertanian Krian/Sungei Manik Sebagai Agen Perubahan Berancang		
	3.1 Latarbelakang Projek/Pengenalan	22
	3.2 Anggaran Kos Perlaksanaan Projek	22
	3.3 Matlamat Projek	23
	3.4 Program/Aktiviti Yang Dijelaskan	24
	Bagi Menjayakan Projek	25
	3.5 Aktiviti Dari Agensi Yang Terlibat	26

Bab 4: Latarbelakang Sosio-ekonomi Responden

	4.1	Struktur Keluarga	38
No. Jadual	4.2	Tanggungan/Anggota Isi Rumah Responden	38
	4.3	Umur Responden Dan Isteri	41
	4.4	Umur Anak-anak Responden	42
Jadual 1	4.5	Taraf Pendidikan Responden	43
	4.6	Kaedah Dan Kategori Pemilikan Tanah	44
Jadual 2	4.7	Kategori Petani	46
	4.8	Keluasan Milik Tanah Keseluruhan	47
Jadual 3		Responden	41
	4.9	Pembahagian Pendapatan Petani	48
Jadual 4	4.10	Pendapatan Dan Pekerjaan	49
	4.11	Pendapatan Keseluruhan Responden	55
Jadual 5	4.12	Perbelanjaan Dapur Responden	56
	4.13	Simpanan Padi	57
Jadual 6	4.14	Belanja Persekolahan Anak-anak	59
	4.15	Simpanan Dan Pasaran Responden	60
Jadual 7	4.16	Pendapatan Dan Simpanan	62
	4.17	Hasil Ternakan	64
Jadual 8	4.18	Harta Pemilikan	65
	4.19	Jentera/Alat Persawahan	67

Bab 5: Penilaian

	5.1	Penilaian Ke Atas Objektif/Matlamat Projek Pembangunan Pertanian Krian/Sg. Manik	69
Jadual 10	5.2	Jabatan Parit Dan Taliair	70
Jadual 11	5.3	Jabatan Pertanian	76
	5.4	Lembaga Pertubuhan Peladang	79
	5.5	Bank Pertanian	82
Jadual 12	5.6	MARDI	84
	5.7	Lembaga Padi Negara	84
Jadual 13	5.8	Dari Segi Kos Pengeluaran	88
	5.9	Masalah Penyakit Padi	94
Jadual 14	5.10	Pemilikan Tanah	97

Bab 6: Kesimpulan Dan Cadangan

99 - 104

Bibliografi

Pemasaran	61
-----------	----

Lampiran

Hubungan Pendapatan Dan Simpanan Responden	63
--	----

Jadual 19	Tujuan Memelihara Binatang Ternakan	64
-----------	-------------------------------------	----

Jadual 20	Jumlah Hasil Dari Binatang Ternakan	65
-----------	-------------------------------------	----

<u>No. Jadual</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Mukasurat</u>
Jadual 21	Harta Pemilikan	66
	SENARAI JADUAL-JADUAL	

Jadual 22	Jentera/Alat Persawahan	67
-----------	-------------------------	----

<u>No. Jadual</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Mukasurat</u>
-------------------	--------------	------------------

Jadual 21	Tanggungan/Anggota Isirumah Responden	39
-----------	---------------------------------------	----

Jadual 22	Jumlah Keseluruhan Tanggungan Responden	40
-----------	---	----

Jadual 3	Umur Responden Dan Isteri	41
----------	---------------------------	----

Jadual 4	Umur Anak-anak Responden	42
----------	--------------------------	----

Jadual 5	Taraf Pendidikan Responden	43
----------	----------------------------	----

Jadual 6	Kaedah Dan Kategori Pemilikan Tanah	45
----------	-------------------------------------	----

Jadual 7	Kategori Petani	46
----------	-----------------	----

Jadual 8	Keluasan Milik Tanah Keseluruhan Responden	47
----------	--	----

Jadual 9	Pembahagian Pendapatan Petani Mengikut Kategori	48
----------	---	----

Jadual 10	Jenis Pekerjaan Utama Dan Sampingan	50
-----------	-------------------------------------	----

Jadual 11	Pendapatan Dari Pekerjaan Utama Dan Sampingan	51
-----------	---	----

Jadual 12	Pendapatan Keseluruhan Responden	55
-----------	----------------------------------	----

Jadual 13	Perbelanjaan Dapur Responden	56
-----------	------------------------------	----

Jadual 14	Menyimpan Padi	57
-----------	----------------	----

Jadual 15	Belanja Persekolahan Anak-anak	59
-----------	--------------------------------	----

Jadual 16	Simpanan Responden	60
-----------	--------------------	----

Jadual 17	Pemasaran	61
-----------	-----------	----

Jadual 18	Hubungan Pendapatan Dan Simpanan Responden	63
-----------	--	----

Jadual 19	Tujuan Memelihara Binatang Ternakan	64
-----------	-------------------------------------	----

Jadual 20	Jumlah Hasil Dari Binatang Ternakan	65
-----------	-------------------------------------	----

<u>No. Jadual</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Mukasurat</u>
Jadual 21	Harta Pemilikan	66
Jadual 22	Jentera/Alat Persawahan	67
Jadual 23	Pinjaman Bank Pertanian	82
Jadual 24	Anggaran Kos Pengeluaran Untuk Seekar	91
Jadual 25	Kos Pengeluaran Responden	93

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menilai projek pembangunan pertanian Krian/Sg. Manik khususnya bagi kawasan Kampung Sungai Kerwin sebagai satu usaha kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan.

Objektif utama projek ini adalah untuk meningkatkan lagi pendapatan mereka supaya dapat mencapai satu taraf sosio ekonomi yang stabil dan memuaskan.

Bagi mencapai objektif ini, maka pihak projek telah memperkenalkan kaedah-kaedah teknologi moden. Dalam konteks ini, teknologi moden dalam pertanian berkait dengan penggunaan teknik-teknik baru dalam pengeluaran, pengurusan moden dan penggunaan jentera moden. Misalnya memperkenalkan sistem tairir yang efisien, penanaman padi dua kali setahun dengan menggunakan teknik-teknik baru dengan harapan membolehkan jumlah hasil pengeluaran bertambah dan sekaligus dapat meningkatkan lagi pendapatan petani.

Kaedah yang dilaksanakan ini adalah menepati teori diffusi. Antara tokoh-tokoh teori ini ialah Hirschman (1958), Hoselitz (1960), H. Nash (1963), Levy (1966), Rogers (1969) dan Rostow (1971). Menurut pendekatan ini pusat moden mesti menyalurkan dan menyerapikan pengetahuan, kemahiran, organisasi, nilai, institusi, teknologi dan modal ke sektor tradisional.

BAB 1

BAB PENDAHULUAN

1.1 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menilai projek pembangunan pertanian Krian/Sg. Manik khususnya bagi kawasan Kampung Sungei Kerwin sebagai satu usaha kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan.

Objektif utama projek ini adalah untuk meningkatkan lagi pendapatan mereka supaya dapat mencapai satu taraf sosio ekonomi yang stabil dan memuaskan.

Bagi mencapai objektif ini, maka pihak projek telah memperkenalkan kaedah-kaedah teknologi moden. Dalam konteks ini, teknologi moden dalam pertanian berkait dengan penggunaan teknik-teknik baru dalam pengeluaran, pengurusan moden dan penggunaan jentera moden. Misalnya memperkenalkan sistem taliair yang efisien, penanaman padi dua kali setahun dengan menggunakan teknik-teknik baru dengan harapan membolehkan jumlah hasil pengeluaran bertambah dan sekaligus dapat meningkatkan lagi pendapatan petani.

Kaedah yang dilaksanakan ini adalah menepati teori diffusi. Antara tokoh-tokoh teori ini ialah Hirschman (1958), Hoselitz (1960), M. Nash (1963), Levy (1966), Rogers (1969) dan Rostow (1971). Menurut pendekatan ini pusat moden mesti menyalurkan dan menyerapkan pengetahuan, kemahiran, organisasi, nilai, institusi, teknologi dan modal ke sektor tradisional.

Ini boleh dilakukan melalui kontak intergrasi, diffusi dan akulturasi yang bercorak sehalu dari moden ke tradisional.

Kadaan ini telah diterangkan dengan jelas oleh

(M. Nash: 1963)

"This approach is the accuturation view of the process of development. The west (taken here as the Atlantic Community of developed nation and their Oversea outliers) diffuses knowledge, skills, organizations, values, technology and capital to a poor nation until overtime, its society, culture and personnel become variants of that which made the Atlantic Community economically successful."

Dilihat dari segi perlaksanaan projek pertanian di Sungei Kerwin ini adalah menepati teori diffusi, dimana projek ini telah dijalankan secara bersepadu iaitu melibatkan beberapa agensi kerajaan bagi membantu petani menjalankan aktiviti pertanian mereka.

Agensi yang terlibat itu ialah Jabatan Parit dan Taliair,

Jabatan Pertanian, Persatuan Peladang, MARDI, Bank Pertanian dan Lembaga Padi dan Beras Negara.

Seterusnya daripada proses perlaksanaan ini akan dilihat kesannya dalam membuat kesimpulan samada projek berjaya mencapai matlamatnya ataupun sebaliknya.

1.2 Bidang Kajian

Bidang kajian topik ini ialah meneliti masalah-masalah yang wujud sebagai penghalang kelicinan projek bagi mencapai tujuan dan matlamatnya. Masalah-masalah itu seperti dari segi perlaksanaan projek melalui agensi-agensi yang terlibat.

Seterusnya akan dibincangkan juga masalah yang datang dari pihak petani sendiri serta faktor-faktor semulajadi iaitu bencana alam dan kesesuaian tanah.

Selain dari itu akan dikaji juga peranan dan fungsi utama tiap-tiap agensi yang terlibat kerana dari sinilah, penilaian dapat dibuat samada berjaya atau tidaknya projek ini.

Masalah tenaga juga akan diuraikan. Begitu juga faktor-faktor lain yang menjadi penghalang seperti kos faktor pengeluaran yang tinggi akibat pengenalan teknologi baru, masalah penyakit-penyakit padi yang turut mempengaruhi hasil pengeluaran padi dan faktor persekitaran seperti harga barangan yang sentiasa meningkat dari masa ke semasa. Sebagai latarbelakang pengkaji akan melihat hal-hal pentadbiran kampung, demografi, ekonomi dan sosial.

1.3 Kepentingan Kajian

Dengan terlaksananya projek pembangunan pertanian ini, serta data-data yang dikumpulkan dari kawasan kajian, kita dapat menilai sejauh manakah keberkesannya. Kemudiannya dapatlah diuraikan masalah-masalah perlaksanaannya yang dikatakan menjadi penghalang terhadap kelancaran perancangan projek itu. Setelah segala punca-punca penghalang dapat dikenalpasti maka dapatlah dicari suatu titik penyelesaian bagi mengatasi atau mencari alternatif lain yang lebih menjamin kepada arah pencapaian objektif projek iaitu untuk meninggikan daya pengeluaran hasil dan pendapatan petani, yang selama ini dikatakan berada di bawah garis kemiskinan.

Selanjutnya kajian ini bertolak dari mengapa

kemiskinan masih berlarutan walaupun usaha-usaha pembangunan telah

diserapkan Kita lihat bahawa masalah kemiskinan tetap wujud di Malaysia walaupun setelah beberapa dekad pembangunan rancangan Malaysia di jalankan terutamanya di kalangan penduduk Melayu luar bandar yang terlibat dengan sektor pertanian. Mengikut Laporan Penggal Rancangan Malaysia Empat (RME) menganggarkan 30.3% daripada 23,700 keluarga di negara ini miskin. Tahun 1970 - terdapat 852,900 keluarga petani dan dari jumlah ini 582,400 adalah keluarga miskin atau 68.3%. Tahun 1980 - Terdapat 963,200 keluarga petani, di antara jumlah itu seramai 443,700 atau 46.1% adalah keluarga miskin.

Sumber: RM4 Jadual 3.2 (38 - 39) - bagi semua kumpulan petani.

Bagi penanam padi pula:-

1970 - Jumlah isirumah ialah 140,000. Dari jumlah itu, 123,400 adalah miskin (91.8%) kadar kemiskinannya.

1975 - Terdapat 148,500 jumlah isirumah, dari jumlah itu seramai 114,300 adalah miskin iaitu kadar kemiskinannya ialah 77%.

1980 - Jumlah isirumah ialah 151,000, dari jumlah itu seramai 83,200 adalah miskin atau kadar kemiskinannya ialah 55.1%.

Jadi melalui bukti emphirical yang didapati melalui kajian yang dijalankan di Mukim Sungei Manik ini, dapatlah dijadikan ukuran untuk kita mencari jalan keluar jika sekiranya terdapat halangan-halangan. Kepentingan kajian ini bukanlah dilihat dari segi sebab-sebab yang menyebabkan masyarakat itu miskin seperti yang dilakukan oleh kajian-kajian yang lepas oleh pengkaji seperti Raymond Firth (1942), Michael Swift (1967), Ungku Abdul Aziz (1975) dan Syed Husin Ali (1964, 1978). Sebaliknya kajian ini bertolak dari mengapa kemiskinan masih berlarutan walaupun usaha-usaha pembangunan telah

diserapkan kepada masyarakat.

1.4 Methodologi

Bagi mendapatkan gambaran yang jelas maka perlulah digunakan lain anggota yang penting.

berbagai-bagai cara bagi mendapatkan data. Untuk mendapatkan itu, B) Dalam usaha untuk mendapatkan keterangan melalui Questionnaire pengkaji telah menjalankan pendidikannya selama sebulan semasa cuti yang disediakan, temubual secara tidak formal dan formal dengan panjang tahun II. responden dilakukan.

Antara method yang dilakukan ialah 'survey'. Survey ini C) Selain dari itu cara pemerhatian juga dilakukan dalam berdasarkan soal-selidik (Questionnaire) yang disediakan terlebih dahulu. Survey dijalankan ke atas keluarga/isirumah yang dipilih.

Dalam memilih isirumah, pengkaji mengguna method persampelan secara sistematis iaitu dari sebanyak 170 buah rumah yang dipilih, hanya 50 buah isirumah sahaja. (170 buah termasuk isirumah bagi susunan sosial, kebudayaan, sikap serta nilai yang ada kaitannya dengan masalah kemiskinan. kurang dari 200 isirumah yang dianggarkan).

Persampelan rawak sistematis diperolehi dengan memilih satu D) Pengkaji juga menggunakan 'key informant' seperti Tok Sidang bagi kawasan kajiannya. Beliau juga merangkap bapa angkat unsur secara rawak daripada 'K' unsur pertama dalam rangka persampelan. Selepas itu memilih tiap-tiap unsur yang ke 'K'.

Contoh dari 170 isirumah

$$\frac{170}{50} = 3.4$$

Jadi unsur kedua yang dipilih ialah dengan menyelangkan 3 buah rumah.

E) Bagi rumah yang tidak berpenghuni atau memberikan respon, pengkaji memilih rumah atau keluarga yang lain mengikut rawak sistematis juga.

temubual secara informal dan formal juga telah diadakan dengan pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dengan projek bersepadu ini iaitu Projek Pembangunan Pertanian Krian/Sg. Manik

Soalan-soalan yang dikemukakan adalah meliputi keterangan mengenai kedudukan ekonomi politik, sosial, pelajaran, kesihatan, perumahan dan sikap ketua keluarga atau seisi rumah dan juga lain-lain anggota yang penting.

1.5 Masalah Kajian

- B) Dalam usaha untuk mendapatkan keterangan melalui Questionnaire Semasa kajian dijalankan, pengkaji telah menemui beberapa yang disediakan, temubual secara tidak formal dan formal dengan masalah. Masalah utamanya ialah tentang mendapatkan data-data yang responden dilakukan.
- C) Selain dari itu cara pemerhatian juga dilakukan dalam soal-soal yang dikemukakan di dalam borang soal-soal adalah penganalisaan dari aspek perlakuan sosial responden, samada segala keterangan benar atau hanya melepaskan batuk di tangga sahaja. Kaedah penyertaan dan pemerhatian ini juga adalah untuk memahami terutama perkara atau soal-soal yang berkaitan dengan Selain dari itu keterangan tentang politik agak susah juga susunan sosial, kebudayaan, sikap serta nilai yang ada kaitannya bagi pengkaji untuk mendapatkan maklumatnya, kebanyakan mereka amat dengan masalah kemiskinan.
- D) Pengkaji juga menggunakan 'key informant' seperti Tok Sidang bagi kawasan kajiannya. Beliau juga merangkap bapa angkat pengkaji. Melalui 'key informant' ini pengkaji boleh membuat semakan kepada data-data yang didapati daripada petani.
- E) Bahan-bahan yang diperolehi dari beberapa penulisan, laporan, keratan akhbar, perangkaan dan makalah seterusnya menggunakan perpustakaan bagi mendapat panduan dan data-data untuk melengkap kajian.
- F) Selain dari mengadakan temubual dengan ketua keluarga yang terpilih, temubual secara informal dan formal juga telah diadakan dengan pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dengan projek bersepadu ini iaitu Projek Pembangunan Pertanian Krian/Sg. Manik

seperti Pegawai LPN, Pegawai Penyelidikan MARDI, Pegawai Jabatan lain Pertanian, Pegawai Daerah, Pegawai Jabatan Parit dan Taliair, dan Pegawai Pertubuhan Peladang serta juruteknik Projek sendiri.

1.5 Masalah Kajian

Semasa kajian dijalankan, pengkaji telah menemui beberapa masalah. Masalah utamanya ialah tentang mendapatkan data-data yang benar-benar tepat dan jitu dari responden. Ini adalah kerana kebanyakan soalan-soalan yang dikemukakan di dalam borang soal-selidik adalah dengan responden yang terpilih itu di mana ada beberapa orang responden menyentuh tentang soal-soal peribadi seperti pendapatan, pemilikan hartabenda maka pandangan dan sikap responden adalah didasarkan atas pertimbangan sendiri atau diagak-agak secara lebih kurang sahaja.

Selain dari itu keterangan tentang politik agak susah juga bagi pengkaji untuk mendapatkan maklumatnya, kebanyakan mereka amat keberatan untuk menjawab soalan tersebut kerana mereka mungkin takut bahawa keterangan mereka itu nanti akan menimbulkan masalah lain di belakang hari. Sebenarnya pengkaji telah banyak kali menerangkan kedudukan sebenar tujuan kajian ini tetapi kurang berjaya dalam mempengaruhi mereka. Keadaan ini iaitu penerangan yang berulang ini kajian berjalan sebab beberapa orang responden mengatakan bahawa terpaksa mengambil masa yang agak panjang.

Kalau dilihat soalan-soalan yang terdapat dalam Questionnaire, adalah banyak sehingga boleh menimbulkan rasa bosan di hati responden keseluruhan penduduk di sini adalah berketurunan Banjar jadi bahasa untuk menjawabnya dan terdapat soalan yang diajukan kepada responden utama mereka adalah bahasa Banjar terutamanya apabila responden itu tetapi tidak difahami oleh mereka dengan itu jawapan yang diberi sudah agak tua, golongan ini tidak berapa menguasai Bahasa Melayu adalah tidak tepat sekadar jangan tidak menjawab sahaja.

Karena tidak faham tetapi mujurlah adalah pertolongan daripada ahli angkat pengkaji yang turut serta semasa kajian dijalankan.

Selain dari itu disebabkan Questionnaire dibuat oleh pihak lain jadi data yang dikumpul adalah didapati setengahnya tidak relevan dengan topik kajian pengkaji sebaliknya data-data penting yang patut atau perlu disoal tiada termuat di dalam naskah/Questionnaire tersebut. Ini menimbulkan masalah pada pengkaji semasa menulis tesis. Cara atasi dengan menulis surat pada pihak berkenaan bagi mendapatkan data yang diperlukan.

Masalah seterusnya adalah tentang masa untuk bertemu-bual dengan responden yang terpilih itu di mana ada beberapa orang responden yang didatangi oleh pengkaji untuk diinterview tiada di rumah. Yang menyedihkan lagi ialah walaupun telah dibuat appointment (setelah kedatangan yang pertama pengkaji gagal) responden tersebut masih tidak dapat menepati janjinya. Keadaan ini banyak membuang masa pengkaji juga tenaga pengkaji tambahan pula kedudukan rumah-rumah responden adalah jauh antara satu sama lain terutamanya kedudukan rumah yang disempadani oleh parit. Contohnya dari Parit 8D ke parit 9C dan seterusnya.

Bagaimanapun pengkaji dapat mengatasinya seminggu setelah kajian berjalan sebab bapa angkat membenarkan pengkaji membawa motosikalnya terutama bagi tempat/rumah yang jauh.

Pengkaji juga menghadapi masalah bahasa. Pengkaji mendapati keseluruhan penduduk di sini adalah berketurunan Banjar jadi bahasa utama mereka adalah bahasa banjar terutamanya apabila responden itu sudah agak tua, golongan ini tidak berapa mengguna bahasa Malaysia jadi mereka menggunakan bahasa banjar. Ini menyulitkan pengkaji kerana tidak faham tetapi mujurlah adalah pertolongan daripada adik angkat pengkaji yang turut serta semasa kajian dijalankan.

Masalah seperti tidak dapat respon dari responden juga ada dihadapi oleh pengkaji. Pengkaji sedaya-upaya menerangkan tentang tujuan kajian tetapi tidak dapat menyakinkan responden tersebut. Berbagai tanggapan serong telah dilemparkan pada pengkaji. Akhirnya pengkaji telah menggantikan responden itu dengan responden yang lain.

Untuk mendapatkan data dari agensi kerajaan juga sukar untuk mendapatkan data yang benar-benar lengkap kerana pengkaji tidak membuat appointment terlebih dahulu jadi ini menyukarkan pihak mereka untuk menyediakan keterangan-keterangan penting yang diperlukan. Keadaan ini terjadi kerana pengkaji tidak biasa dengan kawasan tersebut serta kesuntukan waktu.

Bagaimanapun, walau terdapat rintangan-rintangan semasa pengkaji menjalankan kajian namun sedikit sebanyak masalah itu dapat diselesaikan sekadar tidak membebankan pengkaji.

Masalah-masalah lain seperti prasangka terhadap kajian. Ada yang menyangka tujuan banci adalah untuk banci penduduk, untuk pengundi pilihan-raja dan ada yang mengharapkan bantuan dapat disalurkan pada mereka dengan secepat mungkin. Cara yang dapat dibuat oleh pengkaji bagi mengatasi masalah ini ialah dengan menerangkan berkali-kali akan tujuan sebenar kajian diadakan.

- 1) Sidang Seai
- 2) Sidang Haji Mansor
- 3) Sidang Tahir
- 4) Sidang Mohd. Noor (yang ada sekarang)

Mengikut Tok Sidang lagi, semasa nama kampung itu dipanggil Sungai Kerwin, didapati tanaman padi mereka tidak berapa menjadi atau

BAB 2

tidak mendatangkan hasil yang lumayan. Keadaan ini terjadi mengikut anggapan atau tafsiran mereka kerana nama kampung Sungai Kerwin tidak sesuai atau serasi. Tidak sesuai atau serasi itu adalah kerana

2.1 Sejarah Kampung

Menurut ketua kampungnya, Sungai Kerwin ini telah dibuka yang telah sompeh'. Akhirnya mereka telah menukarkan kepada nama pada tahun 1930. Kebanyakan penduduk yang mendiami kampung ini adalah lain iaitu Kampung Permatang. Bagaimanapun nama ini adalah tidak terdiri daripada orang-orang keturunan Banjar, telah lama menetap di resmi hanya digunakan oleh penduduk-penduduk di sini sahaja. Nama Malaysia.

Kampung Permatang itu tidak dijadikan nama kampung secara rasmi kerana Punca utama mereka meneroka tanah di kawasan Sungai Manik itu adalah kerana kesusahan untuk mendapat beras, tambahan pula ditahun-tahun 30 an, harga getah telah jatuh dengan itu pendapatan mereka daripada bekerja sebagai penoreh getah sebelum kedatangan mereka ke Sungai Manik, tidak mencukupi jadi mereka secara beramai-ramai membuka tanah-tanah di sini untuk dijadikan sawah padi. Antara yang mula-mula sekali datang ke Kampung ini ialah Haji Saman b. Lekir, Tarip & Jumhari b. Haji Nuari. Kampung Sungai Kerwin ini adalah merupakan salah satu kampung yang terkandung dalam satu mukim Sungai Manik di mana terdapat sebanyak 18 buah kampung dalam satu mukim. Kampung-kampung itu ialah:-

Pada tahun 1934, bilangan orang yang berhijrah ke kampung ini semakin bertambah ramai lalu penduduk kampung bersetuju untuk melantik seorang ketua kampung. Ketua kampung yang pertama ialah Tok Sidang pula tertakluk di bawah kuasa seorang Penghulu Mukim.

- 1) Sidang Saal
(sekarang ini Penghulu Ibrahim).
- 2) Sidang Haji Mansor

2.2 3) Sidang Tahir

- 4) Sidang Mohd. Noor (yang ada sekarang)
- Kampung ini terletak di bahagian timur Perak. Sungai Kerwin adalah merupakan salah sebuah kampung yang terkandung dalam Mukim Sungai Manik, Teluk Intan Perak.

Mengikut Tok Sidang lagi, semasa nama kampung itu dipanggil Sungei Kerwin, didapati tanaman padi mereka tidak berapa menjadi atau tidak mendatangkan hasil yang lumayan. Keadaan ini terjadi mengikut anggapan atau tafsiran mereka kerana nama kampung Sungei Kerwin tidak sesuai atau serasi. Tidak sesuai atau serasi itu adalah kerana menurut tafsiran orang-orang Banjar, makna Kerwin itu ialah 'Parang yang telah sompeh'. Akhirnya mereka telah menukarkan kepada nama lain iaitu Kampung Permatang. Bagaimanapun nama ini adalah tidak resmi hanya digunakan oleh penduduk-penduduk di sini sahaja. Nama Kampung Permatang itu tidak dijadikan nama kampung secara rasmi kerana nama itu tidak mendapat pengiktirafan dari Penghulu Mukim Sungei Manik maka sehingga ke hari ini nama rasmi kampung tersebut masih kekal dengan nama Sungei Kerwin. Kata Penghulu Mukim Sungei Manik, nama Kerwin adalah sesuai kerana sempena dengan nama seponon kayu yang terdapat di situ.

Kampung Sungei Kerwin ini adalah merupakan salah satu kampung yang terkandung dalam satu mukim Sungei Manik di mana terdapat sebanyak 18 buah kampung dalam satu mukim. Kampung-kampung itu ialah:- (Rujuk Lampiran).

Tiap-tiap kampung ini mempunyai Tok Sidangnya masing-masing. Tok Sidang pula tertakluk di bawah kuasa seorang Penghulu Mukim (sekarang ini Penghulu Ibrahim).

2.2 Geografi Kampung

Kampung ini terletak di bahagian Hilir Perak. Sungei Kerwin adalah merupakan salah sebuah kampung yang terkandung dalam Mukim Sungei Manik, Teluk Intan Perak.

2.3 Jenis Tanah
Keluasan kampung ini meliputi kawasan seluas 265.65 hektar/656 ekar. Di antara jumlah ini, luas tanah untuk penanaman padi adalah 208.17 hektar/514 ekar manakala untuk tanaman lain adalah seluas 57.51 hektar/142 ekar.

Di kawasan Sungei Kerwin itu sendiri mempunyai sempadan sempadan fizikalnya bagi memisahkan tanah sawah mereka di antara satu parit dengan parit yang lain. Di dalam kampung ini ada mempunyai 7 buah parit iaitu Parit 6D, 7D, 8D, 9D, 10D, 11D dan 12D. Huruf D itu ialah untuk kawasan Blok D. Sebenarnya Mukim Sungei Manik (Stage 1) ini mempunyai 4 blok iaitu Blok A, B, C dan D. Oleh kerana bilangan terutamanya tanah yang mengandungi montmorillonit tanah itu keluarga tidak mencukupi semasa listing maka pengkaji mengambil responden di Blok B dan C. Tetapi selepas Perang Dunia ke 2 sempadan-sempadan itu telah bertukar nama kepada 'TA' yang bermaksud Tali Air Ageh. Jadi buat masa ini nama bagi sempadan yang berada dalam pelan induk ialah 'TA'. Namun penduduknya masih menggunakan blok sebagai tanda sempadan dan alamat rumah mereka.

Oleh kerana sentiasa bertakung air, beberapa perubahan kedudukan rumah penduduk-penduduk di sini adalah berjajar mengikut sistem taliair dan jarak pembinaannya adalah mengikut berapa luas tanah yang mereka punya. Di dalam sebuah parit itu hanya terdapat beberapa buah rumah sahaja. Rumah-rumah mereka terletak berhampiran dengan sawah padi, hanya beberapa ela sahaja dari rumah. Ini bersesuaian sekali dengan keadaan tanaman padi yang memerlukan penjagaan yang rapi.

Ini adalah satu proses pemecahan butir dan ketul tanah sawah kepada satu keadaan yang padat. Pelumat merupakan satu proses fizika yang sentiasa diamalkan oleh pesawah-pesawah di Malaysia dan Asia Tenggara dengan menggunakan

2.3 Jenis Tanah-tanah

Kawasan padi biasanya terletak di kawasan rendah yang mengandungi tanah jenis lanar berhampiran dengan sistem persungai. Tanah lanar adalah subur. Oleh kerana tanah sawah selalunya digenangi dalam musim menanam padi dan kering di waktu menuai maka sifat-sifat fizik, kimia dan biologinya adalah berlainan daripada tanah-tanah biasa yang mempunyai pengaliran bebas.

I) Sifat-sifat Fizik Tanah Sawah

Tanah sawah tinggi dengan bahagian liatnya, apabila basah utama pengkelasan ialah untuk mengeluarkan kadar kandungan air yang terutamanya tanah yang mengandungi montmorilonit tanah itu berbeza yang bergantung kepada daya pengeluaran padi. Tanah sawah mengembang. Serapan air dalam tanah juga terhad ini adalah yang dilepaskan dalam kelas I ialah stage I dan stage III. Stage I kerana penutupan ruang-ruang oleh bahan koloid. Keadaan ini menyebabkan tanah sawah sentiasa bertakung air yang mana diperlukan oleh pokok-pokok padi (Dr. Othman Yaacob : 1982).

II) Sifat-sifat Kimia Tanah Sawah

Oleh kerana sentiasa bertakung air, beberapa perubahan kimia telah berlaku akibat daripada potensi redoks. Apabila tanah sawah dipenuhi air, bekalan udara dan oksigen tersekat. Proses penurunan berlaku kerana ketidakcukupan oksigen. (Dr. Othman Yaacob : 1982).

III) Pelumat Tanah

Pelumat tanah adalah satu proses pemecahan butir dan ketul-ketul tanah sawah kepada satu keadaan yang lumat. Pelumat merupakan satu proses fizika yang sentiasa diamalkan oleh pesawah-pesawah di Malaysia dan Asia Tenggara dengan menggunakan

jentera ringan dan haiwan. Pelumat tanah menyebar dan meratakan bahan organik liat dan baja. Proses pelumatan juga didapati meninggikan had daya menahan air dalam sawah kerana kerosakan ruang dalam tanah dan meninggikan daya menakung air. (Dr. Othman Yaacob : 1982)

Menurut kajian (S. Selyadurai : 1972). Tanah padi dikawasan pengairan Sungei Manik ini telah dikelasifikasikan berdasarkan dari daya pengeluaran. Di Sungei Manik 51% dari lot-lot padi tergolong dalam tanah kelas I, 36% tanah kelas II dan 13% kelas III. Tujuan utama pengkelasan ialah untuk mengeluarkan kadar kemasukan air yang berbeza yang bergantung kepada daya pengeluaran padi. Tanah sawah yang dikelaskan dalam kelas I ialah stage I dan stage III. Stage I termasuklah kampung Sungei Kerwin.

Tanah sawah bagi kelas I berupaya mengeluarkan lebih dari 400 gantang seekar. Tanah kelas II berupaya mengeluarkan hasil di bawah 250-339 gantang seekar dan tanah sawah kelas III pula mampu mengeluarkan hasil di bawah 250 gantang seekar. Cukai-cukai tanah akan dikenakan berdasarkan faktor pengeluaran di atas. Untuk kelas I cukainya \$4.50, kelas II \$3.00 dan kelas III \$1.00.

2.4 Infrastruktur

Pada umumnya, kampung Sungei Kerwin ini belum disediakan dengan kemudahan-kemudahan asas seperti yang terdapat di kebanyakan kampung lain. Kemudahan asas yang dimaksudkan ialah bekalan air. Bekalan elektrik yang terdapat pun, baharu sahaja dimasukkan begitu juga dengan perkhidmatan talipon awam yang terletak di hadapan rumah ketua kampung. Tarikh kemasukan ke dua-dua perkhidmatan itu ialah

pada tahun 1984. Bermakna baharu lebih kurang 2 tahun penduduk di sini menikmati kemudahan itu.

Disebabkan bekalan air belum disediakan lagi oleh kerajaan maka terpaksa penduduk di sini menggunakan air telaga sebagai punca utama mereka untuk dibuat air minum, membasuh, mandi dan sebagainya. Air hujan juga digunakan sebagai air minuman dan masakan mereka yang ditadahkan menerusi tempayan-tempayan besar. Mereka juga menggunakan taliair yang terdapat di hadapan rumah mereka sebagai tempat membasuh pakaian.

Menyentuh sistem perhubungannya, didapati jalan-jalan adalah jalan tanah merah. Keadaan ini menyukarkan penduduk kampung terutamanya apabila musim hujan. Ini adalah kerana air hujan yang turun menghakis tanah-tanah yang lembut lalu membentuk lubang atau lopak-lopak yang akan menyulitkan kenderaan apabila melaluinya.

Jalanraya utamanya terletak agak jauh daripada rumah-rumah penduduk kampung ini iaitu lebih kurang dua atau tiga batu. Sebab itulah mereka jarang menggunakan bas sebagai pengangkutan utama mereka jika hendak kemana-mana. Sebaliknya mereka menggunakan keretapi. Landasan keretapi agak dekat dengan rumah penduduk di kampung ini. Kelihatan ramai murid-murid sekolah iaitu anak kepada penduduk di sini menggunakannya selain dari penduduk yang lain, pergi ke sekolah mereka yang terletak di pekan Teluk Intan.

Waktu perjalanan yang menggunakan keretapi adalah mengikut waktu-waktu tertentu di mana waktu keretapi keluar (ke Teluk Intan) adalah pada waktu-waktu seperti pukul 6.30 pagi, 9.30 pagi, 12.30 tengahari dan 3.45 petang manakala waktu masuk pula ialah pada pukul

11.00 pagi, 2.00 petang dan 7.00 malam. Tambang yang dibayar oleh penduduk dari kampung Sungei Kerwin ke Teluk Intan ialah 40 sen. Bagaimanapun kenderaan utama penduduk di sini adalah motosikal.

Di kampung ini juga terdapat sebuah surau untuk kemudahan tempat bersembahyang penduduk-penduduknya. Pembinaan surau itu telah menelan belanja sebanyak \$1,800.00 (sumber: Projek Kecil Luar Bandar daerah Hilir Perak). Surau ini juga dibekalkan dengan sebuah pembesar suara dan 2 buah kipas. Kedudukan surau ini berhampiran dengan rumah ketua kampung. Aktiviti lain yang dijalankan di surau ini ialah seperti usrah.

Kemudahan-kemudahan lain seperti sekolah, dewan orang ramai, tengah di antara penduduk kampung dan orang diluar kampung Tok Persatuan belia dan klinik tidak terdapat di kampung ini. Jika ada Penghulu Mukim Sungai Manik, di mana sebarang terdapat perminaan di antara penduduk ingin melibatkan diri dalam belia, terpaksa mereka menumpang di kampung yang berhampiran. Begitu juga dengan Sidang bersama-sama dengan ahli Jawatan kuasa kampung yang lain akan sekolah. Sekolah rendah terdapat di kampung-kampung yang berhampiran berunding dengan Tok Penghulu. Tiap-tiap mukim telah ditetapkan seperti di Kampung Sungei Permatang, Kampung Sungei Tukang Sidin dan lain-lain. Sekolah menengah pula kebanyakannya terletak di pekan Teluk Intan.

Rawatan kesihatan terpaksa diperolehi dari kampung Sungei di sini. Tok Sidang merangkap ketua UMNO cawangan Parti 80 Sungei Tukang Sidin (Klinik) dan hospital di pekan Teluk Intan.

2.5 Aktiviti Ekonomi Penduduk

Pekerjaan utama penduduknya adalah berbandang selain dari itu untuk menambah hasil pendapatan, mereka juga melakukan kerja-kerja sampingan yang lain. Mereka juga menanam pokok buah-buahan seperti mempelam dan cempedak di batas-batas sawah mereka. Di samping dapat menikmati tanaman itu, mereka juga menjualkannya kepada peraih-

peraih atau menjualnya sendiri di pekan Teluk Intan.

Sewaktu pengkaji membuat kajian ini, mereka hampir menyelesaikan tugas menuai padi di sawah-sawah. Kelihatan pekerja yang menuai padi adalah terdiri dari kaum wanita.

2.6 Struktur Kepimpinan Kampung

Kampung ini pada dasarnya ditadbir oleh seorang ketua kampung atau dikenali juga dengan panggilan 'Tok Sidang' bernama Mohd. Noor b. Zakaria. Tugas Tok Sidang ini ialah menyelesaikan sebarang perbalahan kecil di dalam kampung, menyalurkan segala bentuk bantuan kerajaan seperti subsidi baja. Beliau juga bertindak sebagai orang tengah di antara penduduk kampung dan orang atasannya iaitu Tok Penghulu Mukim Sungei Manik, di mana sekiranya terdapat permintaan atau suara tidak puas hati penduduk tentang sesuatu perkara, Tok Sidang bersama-sama dengan ahli jawatan kuasa kampung yang lain akan berunding dengan Tok Penghulu. Tiap-tiap mukim telah ditetapkan tarikh-tarikh tertentu untuk diadakan mesyuarat.

Biasanya di Sungei Kerwin ini tempat mengadakan mesyuarat adalah di rumah Tok Sidang kerana kemudahan dewan tiada terdapat di sini. Tok Sidang merangkap ketua UMNO cawangan Parit 8D Sungei Manik adalah pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK). JKKK ini adalah bertindak sebagai badan yang menjaga kemajuan kampung.

Di dalam pemilihan Tok Sidang, syarat-syarat lebih banyak terletak pada ketokohan. Dari segi pelajaran dan kekayaan tidak berapa dipentingkan. Misalnya Tok Sidang di tempat pengkaji membuat kajian ini tidaklah berapa kaya dan berpelajaran tinggi.

yang simple seperti menggunakan bajak dan kerbau bagi membumakan

Menyentuh tentang parti pula, didapati kebanyakan penduduk adalah pengikut-pengikut parti UMNO bagaimanapun terdapat juga pengikut-pengikut parti PAS tetapi dalam bilangan yang kecil.

Ringkasnya corak organisasi pentadbiran di Sungei Kerwin adalah seperti berikut:

Pegawai Daerah (Pekan Teluk Intan)

Penghulu Mukim

Tok Sidang (Dari 18 buah kampung)

JKKK (Penduduk kampung)

orang kampung

2.7 Struktur dan Organisasi Ekonomi Sebelum Projek Pembangunan Pertanian Kerian/Sungei Manik

Sebelum projek ini diperkenalkan pada tahun 1978, penduduk di sini mengamalkan tanaman dengan cara tradisi iaitu tanaman sekali setahun. Dari segi sistem pemasaran pula, dulu, rata-rata petani

Sewaktu menanam padi tahun, terdapat banyak waktu-waktu terluang berbanding dengan kaedah sekarang. Jadi di waktu yang terluang itu, mereka mencari kerja-kerja sampingan seperti menebas, membaiki parit atau apa jua pekerjaan yang sesuai bagi menampung perbelanjaan keluarga. Bagaimanapun timbul masalah dalam mencari pekerjaan sampingan itu kerana waktu itu, amat sukar untuk mendapatkan pekerjaan serta bayarannya adalah rendah.

Menyentuh tentang harga padi ketika itu adalah rendah berbanding dengan harga sekarang iaitu \$20 - \$28 sepikul. Alat-alat yang digunakan untuk pengerjaan sawah masih diperingkat teknologi yang simple seperti menggunakan tajak dan kerbau bagi melumatkan

tanah dan menuai. Benih-benih yang digunakan pun lambat matang tidak seperti benih padi yang disyorkan oleh pihak MARDI di kala ini. Benih padi lama memerlukan masa selama 8 bulan untuk masak.

Mengenai masalah penanaman yang paling ketara di waktu itu ialah masalah penyediaan sawah-sawah. Ini adalah kerana rumput-rumpai yang tebal serta susah untuk dibuang tambahan dengan menggunakan cara-cara tradisional seperti menajak dengan tajak dan kerbau. Alat semburan racun belum popular lagi di masa itu kerana serangan penyakit berkurangan jika dibandingkan dengan masalah serangan penyakit sekarang ini. Begitu juga dengan racun semburan rumput jadi disebabkan jarak masa yang panjang bagi menanam semula padi, rumput-rumput tumbuh dengan liarnya di tapak-tapak sawah petani.

Mengikut petani, mereka tidak menghadapi masalah pengairan semasa tanaman padi tahun berbanding dengan keadaan sekarang ini.

Dari segi sistem pemasarannya pula, dulu, rata-rata petani menjual padi-padi mereka kepada orang tengah atau pelesen dan kepada sesiapa sahaja yang hendak membeli padi mereka. Di masa itu mereka terdedah kepada eksploitasi pihak lain kerana harga padi terletak di bawah budibicara pihak pembeli kerana LPN masih belum ada.

Jenis pengangkutan yang digunakan untuk membawa padi-padi mereka adalah basikal dan keadaan jalan juga tidak elok begitu juga dengan kemudahan asas seperti elektrik, talipon, air masih belum ada. Hingga kinipun masalah bekalan air masih dihadapi oleh petani di sini.

Dari segi kadar sewa, penyewa-penyewa tanah waktu dahulu masih membayar dalam kadar yang rendah cuma \$30 - \$40 seekar untuk satu musim tetapi sekarang ini kadar sewaan adalah tinggi iaitu antara \$100 - \$200 bagi 1 ekar, untuk satu musim dan bergantung pula pada kesuburan tanah.

Pengerjaan sawah pada masa dulu adalah bergotong-royong jadi sistem upah tidak ada lagi seperti sekarang ini, sebab itulah kos pengeluaran padi tinggi. Pekerjaan bergotong-royong dilakukan secara bergilir-gilir dari satu sawah ke sawah yang lain. Tetapi sekarang ini kerja-kerja sawah telah banyak diambil alih oleh jentera-jentera. Kadar upah yang tinggi contohnya upah membajak dan menuai ialah antara \$70 - \$75 seekar. Upah pengangkutan di masa lalu cuma 60 sen seguni tetapi sekarang ini ialah \$1.20 seguni.

Petani dahulu, tidak menggunakan baja berbanding dengan waktu ini, sebab itulah hasil mereka kurang kerana bergantung semata-mata pada kesuburan semulajadi tanah. Tetapi mungkin juga masalah kewangan menghalang mereka menggunakan baja berbeza dengan sekarang ini, petani mendapat subsidi baja dari kerajaan iaitu sebanyak 6 kmpit (2 urea dan 4 baja campuran). Keadaan ini bersesuaian pula bagi menampung kesuburan tanah kerana kekerapan tanaman yang bertambah. Padi tahun mungkin tidak memerlukan baja kerana jangka-masa/kekerapan tanamannya berbeza iaitu setahun sekali jadi dalam jangka-masa tersebut tanah boleh mengembalikan semula tahap kesuburan walaupun tidak subur di waktu pertama kali penanamannya.

Dari segi kadar sewa, penyewa-penyewa tanah waktu dahulu masih membayar dalam kadar yang rendah cuma \$30 - \$40 seekar untuk satu musim tetapi sekarang ini kadar sewaan adalah tinggi iaitu antara \$100 - \$200 bagi 1 ekar, untuk satu musim dan bergantung pula pada kesuburan tanah.

Pengerjaan sawah pada masa dulu adalah bergotong-royong jadi sistem upah tidak ada lagi seperti sekarang ini, sebab itulah kos pengeluaran padi tinggi. Pekerjaan bergotong-royong dilakukan secara bergilir-gilir dari satu sawah ke sawah yang lain. Tetapi sekarang ini kerja-kerja sawah telah banyak diambil alih oleh jentera-jentera. Kadar upah yang tinggi contohnya upah membajak dan menuai ialah antara \$70 - \$75 seekar. Upah pengangkutan di masa lalu cuma 60 sen seguni tetapi sekarang ini ialah \$1.20 seguni.

